

## **Kembalinya Kak Jun: Pengalaman Penghijrahan Seorang Mak Nyah**

*(The return of Kak Jun: The Process of Change to an Islamic Compliant Life)*

NADIYAH ELIAS & NURHIKMAH MUBARAK ALI  
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial dan Polisi  
Universiti Utara Malaysia  
E-mel: [nadiyah@uum.edu.my](mailto:nadiyah@uum.edu.my)

### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan kajian kes proses perjalanan kembali ke pangkuan syariat seorang individu Muslim yang telah mengalami kecelaruan identiti gender. “Kak Jun” adalah nama gelaran yang digunakan oleh seorang Muslim yang telah mengalami kecelaruan identiti gender sejak di sekolah rendah, dan kecelaruan ini membawa beliau kepada corak kehidupan yang tidak selaras dengan syariat bermula dari alam sekolah menengah hingga alam dewasa. Kak Jun sekarang telah kembali sepenuhnya kepada kehidupan yang patuh syariat, dan beliau aktif berdakwah kepada populasi Muslim yang cenderung kepada kecelaruan identiti gender. Kajian ini memberi fokus kepada faktor-faktor yang mendorong Kak Jun berusaha sehingga kembali kepada corak kehidupan yang patuh syariat. Faktor-faktor ini boleh digunakan untuk membantu para kaunselor merumuskan strategi-strategi pendekatan Islam yang berkesan untuk membantu populasi khas ini sama ada pada peringkat perlindungan, pencegahan atau pemulihan.

**Kata kunci:** *Mak Nyah, syariat, kecelaruan identiti gender.*

### **Abstract**

*This article is about a life story of a Muslim individual who has experienced gender identity disorder and follows his journey back to the Islamic way of life. Going by the nickname of “Kak Jun”, he has been experienced gender identity disorder since primary school, which has led him to deviate from the Shari’ah law. from middle school to adulthood. Kak Jun has now completely returned to the Shari’ah compliant lifestyle, and he is actively preaching to the transgender community. This study focuses on the factors that motivate Kak Jun to work towards returning to a pattern of sharia-compliant life. These factors can be used to help counselors*

*formulate effective Islamic approaches to helping these special populations be either at the level of development, prevention or recovery.*

**Keywords:** *Transgender, syariah, identity gender disorder.*

## Pengenalan

Perbincangan mengenai mak nyah perlu didahului dengan penerangan mengenai beberapa istilah yang berkaitan. Transgender merujuk kepada individu yang merasakan bahawa identiti dalaman gender mereka tidak selari dengan sifat biologi mereka, iaitu lelaki yang merasakan dirinya adalah wanita atau wanita yang merasakan bahawa dirinya yang sebenar adalah lelaki (Chatterjee Subhrajit, 2014). Transeksual adalah individu yang merasakan ketidakselarian identiti juga, tetapi ia pada tahap mempunyai keinginan untuk menjalani surgeri untuk merubah tubuh badan supaya selari atau lebih selari dengan identiti dalaman gendernya (Kerstin Neumann, Cornelia Welzel, Ute Gonnermann, & Uwe Wolfradt, 2002). Transvestite pula adalah individu yang gemar berpakaian sebalik dari gender rasmi mereka, sama ada dilakukan secara suka-suka atau keperluan psikologikal, sebahagian diri masa atau sepenuh masa (Samantha Allen, 2014). Homoseksual pula adalah individu yang tertarik secara seksual kepada individu dari gender rasmi yang sama, tidak kira sama ada mereka merasakan diri mereka transgender atau tidak (Laurie Drabble & Michele J. Eliason, 2012). Pelacuran adalah situasi di mana individu melakukan perdagangan seksual, iaitu memberikan khidmat seks untuk mendapatkan imbalan kewangan (Mahfudzah Mohamad, 2015).

Kebanyakan dari individu yang mengakui diri sebagai mak nyah di Malaysia termasuk dalam semua kategori di atas, walaupun ia tidak semestinya begitu. 'Mak nyah' adalah kategori bahasa pasar yang diberikan kepada individu dari satu komuniti khas di Malaysia. Kategori ini juga diguna pakai kepada diri sendiri apabila bercakap sesama mereka tetapi tidak disukai untuk digunakan ke atas diri mereka daripada pihak lain. Nama sopan yang digunakan apabila bercakap dengan orang luar adalah 'komuniti'- pendek kepada komuniti khas golongan mak nyah. Dalam artikel ini, penulis akan menggunakan perkataan 'komuniti' untuk merujuk kepada komuniti mak nyah seperti mana yang digunakan oleh mereka (Mutiah Roslan, 2006).

## Isu

### **Mak Nyah dan Kategori Kecelaruhan Identiti**

Menurut Teh Yik Koon (2002) golongan mak nyah merujuk secara generik kepada individu lelaki yang berada dalam komuniti khas yang menjalani

kehidupan yang 1) berpakaian dan berperawakan wanita sama ada sebahagian dari masa atau sepenuhnya 2) merasakan dirinya wanita yang terperangkap dalam tubuh lelaki. Selain dari itu, sebahagian dari mereka juga 3) menjalani pembedahan untuk merubah tubuh badan untuk lebih selari dengan identiti kewanitaan; 4) sedang atau pernah terlibat dengan hubungan seks luar syariat dan sebahagian juga menjalani gaya hidup 5) memperdagangkan tubuh mereka secara seksual untuk pulangan kewangan.

Individu yang terlibat dalam aktiviti homoseksual, seandainya tidak berpakaian dan berperawakan seperti wanita tidak dimasukkan ke dalam kategori mak nyah.

### **Mak Nyah dari Pandangan Islam**

Dari pandangan Islam, status hukum tingkah laku yang berkaitan adalah seperti berikut, dirumuskan dari artikel dari laman mufti Wilayah Persekutuan (Umar Mukhtar Mohd Noor, 2015.):

1. Berpakaian seperti wanita adalah haram. Berperawakan kewanitaan andai spontan dimaafkan, tetapi sengaja melakukan gaya-gaya yang menyerupai wanita adalah haram.
2. Merasakan diri wanita terperangkap dalam tubuh lelaki - tiada fatwa syariat kerana ia perasaan dalaman. Ini boleh dibincangkan dari perspektif tasawwuf mengenai redha, namun ia tidak berkaitan hukum syara.
3. Menjalani pembedahan bukan untuk tujuan kemaslahatan kesihatan adalah haram.
4. Sebarang aktiviti seks di luar syariat adalah haram.
5. Perdagangan seksual adalah haram.

Penerangan tersebut di atas adalah sebagai latar perbincangan.

### **Metodologi**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Data dan maklumat yang diperlukan bagi memenuhi objektif kajian dikumpulkan melalui kaedah temu bual. Soalan-soalan temubual disediakan secara umum

iaitu tanpa memberi panduan kepada jawapan contohnya, “bagaimana perasaan anda ketika ingin mengubah jantina”. Ia bagi memberi peluang kepada responden menjelaskan dan menghuraikan pengalaman dan perasaan mereka (*narrative*). Temu bual dilakukan bagi memahami dengan lebih mendalam pengalaman yang dilalui oleh responden. Walau bagaimanapun, soalan-soalan ini tidak terlalu terikat dan perlu fleksibel berdasarkan respon yang diberikan oleh responden dan kesediaan mereka untuk meneruskan perbualan. Hal ini adalah kerana pertemuan pertama selalunya lebih kepada emosi responden yang akan diluahkan melalui temu bual bersama pengkaji.

Temu bual dilakukan bagi memahami dengan lebih mendalam pengalaman yang dilalui oleh responden. Antara panduan temu bual yang telah pengkaji sediakan sebelum temu bual dijalankan bersama responden ialah:

1. Apa yang mendorong anda untuk mengubah jantina?
2. Bagaimana perasaan anda setelah mengubah jantina?
3. Apa reaksi keluarga terhadap anda apabila berhadapan dengan situasi ini?
4. Apakah yang menimbulkan kerumitan bagi anda sepanjang menjalani kehidupan seperti ini?
5. Apakah implikasi kepada ahli keluarga anda setelah anda mengubah jantina?

Walaupun bagaimanapun, panduan soalan ini tidak terlalu terikat dan perlu fleksibel berdasarkan respon yang diberikan oleh responden dan kesediaan mereka untuk meneruskan perbualan. Kebebasan perlu diberikan kepada responden kerana dalam tempoh temu bual dijalankan, terdapat responden yang tidak mampu meneruskan perbualan kerana masih merasa sedih apabila menceritakan saat-saat penderitaan yang dilalui.

Menurut Othman Lebar (2015) temu bual dilakukan dalam menjalankan sesuatu kajian bukan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian, menguji hipotesis atau membuat penilaian tetapi bagi memahami dengan mendalam pengalaman dalam kehidupan atau sesuatu peristiwa yang dilalui. Persetujuan bertulis daripada responden diperlukan bagi merekodkan temu bual. Sekiranya responden tidak membenarkan temu bual dirakamkan atau merasa tidak selesa menggunakan perakam, catatan akan dilakukan semasa sesi temu bual. Malah, kebaikan membuat catatan berbanding menggunakan perakam, pengkaji akan memberi lebih tumpuan dan perhatian kepada apa yang diberitahu oleh

responden berbanding bergantung kepada perakam sahaja. Selain daripada pemahaman melalui komunikasi secara verbal, perasaan responden juga perlu difahami melalui komunikasi secara non-verbal yang ditunjukkan.

## Dapatan Kajian

### **Temu bual dengan Bekas Mak Nyah dan Pendakwah Bebas bagi Golongan Mak Nyah**

Responden utama dalam kertas ini adalah Tuan Mohd Bakri Abu Bakar, Presiden Persatuan Insaf Pahang yang telah ditemu bual dalam tempoh dua sesi yang mengambil masa dua hari pada tarikh berasingan. Dalam tempoh menemubual beliau, kami juga dibawa melawat ke lorong dan berkenalan dengan sahabat dari komuniti. Sesi temu bual berjalan secara santai diselang dengan aktiviti membuka warung, makan-makan, serta lawatan. Antara sesi tersebut, kami juga mendapat peluang menemu bual beberapa orang sahabat komuniti yang melawat dan berurusan di sepanjang tempoh tersebut. Walau pun tidak dinyatakan nama, beberapa petikan merujuk kepada sisipan temu bual santai atau 'sebang' tersebut. Dalam masa yang sama, kami juga telah berpeluang turut serta dalam satu muqayyam atau perkhemahan khas untuk golongan komuniti transgender anjuran JAIP (Jabatan Agama Islam Negeri Pahang) yang diuruskan bersama oleh Tuan Haji Bakri.

Dalam proses menyediakan laporan ini, penulis mempunyai talian telefon dan *whatsapp* untuk menanyakan responden maklumat tambahan atau penjelasan.

### **Penceritaan**

Kak Jun atau Tuan Haji Bakri adalah seorang yang telah meletakkan dirinya sebagai "*public figure*"; iaitu seorang mak nyah yang telah kembali patuh kepada syariat Islam, dan bergiat aktif berdakwah dan membimbing sahabat dari komuniti mak nyah untuk kembali kepada kehidupan patuh syariat. Beliau telah memberi kebenaran untuk mencatatkan dan menyebarkan isi kandungan temubual ini untuk tujuan pendidikan dan dakwah kepada orang ramai dan golongan mak nyah.

*Responden* telah terlibat dalam dunia mak nyah bermula dari sekolah menengah dengan berjinak-jinak memperagakan pakaian wanita. Selepas SPM, dia melangkah keluar rumah dan memulakan 'kehidupan di lorong' iaitu gaya hidup memperdagangkan seks untuk imbalan kewangan untuk menyokong gaya hidup mak nyah. Dia kemudiannya menjadi 'ibu ayam' kepada golongan lebih muda, iaitu menjadi orang tengah yang mengutip hasil dari aktiviti

kehidupan ‘di lorong’. Setelah mendapat bimbingan keagamaan dari beberapa pihak, responden telah melangkah sedikit demi sedikit menjauhi kehidupan di lorong. Beliau telah kembali sepenuhnya kepada kehidupan memegang kepada syariat Islam dan bergaul dengan komuniti umum secara terhormat. Beliau telah memilih untuk mengekalkan identiti sebagai ‘mak nyah’ sebagai pendekatan mendidik dan membimbing komuniti mak nyah. Kepada masyarakat umum, beliau juga memilih untuk mengekalkan identiti sebagai ‘mak nyah’ yang mengikut syariat, kerana beliau lebih selesa menerima diri sebagai individu yang mempunyai naluri kewanitaan yang tinggi - yang berusaha untuk patuh kepada syariat sepenuhnya.

Menurut responden, kesedaran dan perasaan ingin menjadi wanita ini telah sedia ada bermula dari sekolah rendah lagi. Dia ingin untuk berpakaian seperti wanita dan berhias-hias. Cuma, ekspresi kepada naluri ini hanya bermula di sekolah menengah. Pada masa itu, dia telah keluar rumah di waktu petang sehingga ke tengah malam untuk tujuan mengekspresi kewanitaan bersama sahabat senior yang sama keperluan. Di sebelah petang, dia akan meminjam pakaian kakak di ampai tanpa kebenaran, dan tidak pulang ke rumah sehingga larut malam. Namun dia masih pulang tidur di rumah dan masih meneruskan persekolahan sehingga peperiksaan SPM.

Selepas tamat pengajian di sekolah menengah, dia telah melangkah keluar terus dari rumah untuk menjalani gaya kehidupan mak nyah sepenuhnya, iaitu perdagangan seks untuk membiayai identiti kewanitaan seperti pakaian, solekan, suntikan hormon, serta bagi yang lebih ekstrem, pembedahan plastik bagi payu dara. Golongan komuniti merujuk kepada pembedahan menambahkan payudara sebagai pembedahan “atas”, manakala pembedahan alat jantina sebagai pembedahan “bawah”. Menurut beliau, tidak ramai mak nyah Islam yang berani melakukan pembedahan atas bawah, kerana jauh di sudut hati mereka menyimpan harapan untuk keluar dari dunia mak nyah. Menurut pengetahuan mereka, pembedahan atas boleh dipulihkan semula, tetapi pembedahan bawah tidak boleh berpatah balik.

Menurut responden, rasional mereka melakukan pelacuran ini adalah untuk membiayai gaya hidup kewanitaan yang biasanya memakan belanja yang sangat tinggi. Menurut responden, tidak semua yang mahu kepada seks tersebut secara intrinsik, tetapi lebih kepada tujuan kepuasan ekspresi diri mempunyai daya tarikan seksual.

Dalam temu bual sampingan, seorang ahli dari komuniti transgender menyatakan bahawa pelacuran ini juga sebenarnya adalah pertaruhan harga diri bagi seorang mak nyah. Seandainya mereka gagal mendapat pelanggan

pada satu-satu masa, atau sahabat lain mendapat pelanggan dengan lebih cepat, ia seperti satu kegagalan kepada diri mereka. Beliau menyatakan terdapat sahabat beliau yang terlibat dengan tingkah laku syirik seperti memuja berhala atau menggunakan susuk dalam ikhtiar meningkatkan atau mengekalkan kecantikan diri.

### **Progres menjadi 'Mak Ayam'**

Menurut responden, 'Mak Ayam' bermaksud agen atau majikan kepada kumpulan pelacur lelaki, bergantung kepada persetujuan kontrak secara adat dan norma satu-satu komuniti. Setelah berumur empat puluh tahun, responden telah mengambil peranan 'mak ayam', termasuk mengutip hasil sewa bilik dari kumpulan 'anak ayam' yang diuruskan.

Menurut responden, dunia di lorong sangatlah bahaya dan mencabar bagi pendatang baru. Antara cabaran adalah pihak polis dan penguatkuasa, kumpulan samseng yang menguasai kawasan, juga sebahagian dari pelanggan-pelanggan yang kasar dan kaki pukul apabila mabuk. Oleh yang demikian, seorang pendatang baru perlu membayar yuran perlindungan kepada mak ayam. Mak ayam berpengalaman dan berpengaruh dalam dunia mak nyah, memainkan peranan mengamankan keadaan dan memastikan kelancaran bisnes. Cuma prinsip dan pengurusan menggunakan nilai moral mereka sendiri seperti pembayaran yuran pendatang baru kepada mak ayam, pembayaran berkumpulan melalui mak ayam kepada pihak berkuasa yang menyalahgunakan kuasa, urusan memuaskan hati kumpulan samseng melalui pembiayaan berkumpulan majlis minum arak serta khidmat percuma kepada kumpulan samseng.

Responden telah meningkatkan peranan menjadi 'mak ayam' bagi komuniti mak nyah di Kuantan setelah menjalani tempoh pendek berkhidmat di luar negara dalam lingkungan umur 40 tahun.

### **Status Keagamaan Mak Nyah**

Menurut responden, kebanyakan mak nyah mempunyai bekalan pengetahuan agama serta pengalaman mengamalkan kewajipan berdasarkan pendidikan keluarga. Namun, dalam kehidupan komuniti mak nyah, agama akan cuba ditinggalkan kerana ia akan mengingatkan mak nyah bahawa mereka sedang melakukan dosa besar.

Responden menceritakan reaksi dirinya sendiri. Dalam bilik sewa, apabila mendengar azan dikumandangkan di televisyen, beliau akan cepat-cepat menutup siaran televisyen sambil berikhtiar melupakan rasa berdosa

pada diri. Beliau tahu bahawa beliau sedang dalam keadaan yang berdosa dan memikirkan apa kesudahan kehidupan bagi diri.

Menurut responden lagi, golongan mak nyah di sekeliling beliau tidak solat, tetapi mereka masih meraikan bulan Ramadhan dan berikhtiar menjalani ibadah puasa. Kebanyakan dari mereka lebih banyak hari Ramadhan yang tidak berpuasa daripada hari yang berpuasa, tetapi status berpuasa sangat diraikan.

Antara cara meraikan tuntutan ibadah puasa dalam kalangan mak nyah adalah syarat norma yang diletakkan sesama mereka. Menurut responden, mereka sepakat bersetuju bahawa kelayakan untuk turun ke pasar membeli juadah berbuka adalah syarat berpuasa. Menurut norma di sana, hanya yang berpuasa penuh saja yang 'layak' untuk turun ke pasar Ramadhan untuk membeli. Rakan yang tidak puasa yang turun membeli akan dikutuk oleh rakan lain yang berjaya berpuasa.

Menurut responden, turun membeli di pasar adalah aktiviti istimewa yang penting kerana waktu ini digunakan untuk memperagakan pakaian cantik dan menarik. Kata beliau; "nak tunjuk seksi semasa membeli kuih". Responden melaporkan bahawa kebanyakan dari golongan mak nyah suka untuk mendapat perhatian dari orang ramai kerana mereka berasa diri mereka sangat cantik. Ia seolah-olah seperti mereka mempunyai harga diri yang sangat tinggi.

Walau bagaimana pun, menurut responden, harga diri mereka sangatlah rapuh dan mudah terkesan hanya dengan peristiwa luaran saja. Antara yang memberi kesan negatif kepada harga diri mereka adalah peristiwa tidak berjaya mendapatkan pelanggan seperti yang dinyatakan di atas. Begitu juga dengan fenomena merasakan diri cantik. Ia bercampur baur dengan kepercayaan bahawa mereka mesti berusaha sentiasa mencantikkan diri. Ini menyebabkan mereka sanggup menghabiskan semua wang mereka untuk tujuan tersebut. Responden juga mengatakan bahawa, mereka menggunakan kemestian ini untuk merasionalkan diri kenapa mereka mesti melacurkan diri iaitu untuk tujuan mendapatkan wang yang banyak untuk tujuan menjaga keperluan kecantikan.

Antara maklumat yang agak jenaka adalah keutamaan dalam amalan agama. Sudah menjadi kebiasaan bagi individu yang berpuasa akan membatalkan puasa mereka apabila ada terdapat permintaan dari pelanggan di siang hari, manakala terdapat individu yang menghadkan khidmat di bulan Ramadhan kepada malam sahaja.



Selain dari meninggalkan solat, ramai juga yang terlibat dengan dadah, kerana dianggap perlu untuk menebalkan perasaan malu atau susah untuk mendapatkan pelanggan. Mereka menjalankan gaya hidup 'risiko ego' yang tinggi, di mana harga diri mereka sentiasa naik turun secara mendadak. Hakikatnya harga diri mereka lebih banyak jatuh menjunam dengan peristiwa membandingkan kecantikan diri dengan rakan, menahan ego apabila perlu memujuk pelanggan dan menghadapi kegagalan mendapatkan pelanggan.

Menurut responden, mereka mengamalkan budaya berpura-pura sesama mereka. Apabila berhadapan sesama mereka, mereka murah dengan pujian sesama sendiri dan bertukar tukar jenaka mesra. Hakikatnya adalah mereka akan mengumpat sesama sendiri sebaik sahaja di belakang. Akibat daripada budaya ini mereka mempunyai perasaan curiga dan berburuk sangka sesama sendiri seperti cemburu, dengki dan berburuk sangka sesama sendiri.

Beliau mengulangi bahaya yang paling tinggi bagi mak nyah bukanlah pelacuran itu sendiri, tetapi amalan syirik yang mengiringi gaya hidup tersebut. Terdapat mak nyah yang menyembah patung setiap kali sebelum turun bertemu pelanggan, dan mereka mudah membeli apa saja tangkal yang ditawarkan. Amalan memakai susuk juga berleluasa dalam kalangan mereka atas tujuan menjaga kecantikan dan kekal awet muda.

### **Perjalanan Penghijrahan Kembali**

Menurut responden, faktor utama untuk penghijrahan adalah perasaan bosan atau jelah dengan gaya hidup sedia ada serta kerisauan tentang kematian. Setelah berumur dan menyaksikan mengikut giliran rakan senior meninggal dunia, beliau merasakan tidak boleh lari lagi dari menghadapi kenyataan mati dan kembali berjumpa Allah SWT.

Namun, untuk melangkah kepada Allah SWT memerlukan kekuatan yang tiada pada diri, maka beliau terus saja dengan gaya hidup sedia ada. Responden mengatribusikan bahawa pencetus kepada penghijrahan adalah dari usaha pihak Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP). Beberapa orang penguatkuasa memegang falsafah untuk bersahabat dengan ahli komuniti. Mereka sering mengajak Tuan Haji Bakri minum di kedai dan berbual-bual berkenalan. Menurut responden, walaupun ahli komuniti masih akan melarikan diri andai melihat van putih, mereka sudah berani menerima jemputan minum teh dari pegawai agama jika diajak secara bersendirian.

Signifikan imej van putih sebagai tanda kehadiran penguatkuasa pencegah maksiat sememangnya sudah tertanam dalam dunia komuniti. Semasa lawatan temubual, penulis kebetulan menggunakan kenderaan van

putih. Sukarelawan dan responden telah berjenaka memberi komen mengenai van putih penulis; “ Ini kalau kita pergi dengan van ini- bertempiranlah lari!”

Pencetus kepada kesedaran adalah program muqayyam yang dianjurkan oleh Pihak JAIP. Mereka telah meminta responden untuk menjadi orang tengah yang menjemput ahli komuniti yang lain untuk berani menghadiri muqayyam. Responden menceritakan kekangan beliau bermesyuarat di meja bulat - beliau seorang diri dikelilingi oleh pegawai agama. Situasi itu amat mendebarkan, namun beliau merasa diri dihargai dan diperlukan.

Beliau telah membuat rundingan untuk mendapatkan jaminan keamanan yang dijangka diperlukan oleh diri sendiri dan peserta yang bakal dipujuk menghadiri. Antara janji yang diminta adalah:

1. Peserta tidak akan ditangkap dan di dakwa
2. Pihak penganjur tidak memaksakan perubahan fizikal seperti memotong rambut atau merampas pakaian wanita.
3. Peserta yang tidak mahu tidak akan dipaksa solat atau melakukan aktiviti yang tidak mahu dilakukan

Program Muqayyam pertama dilakukan pada 2004, dan responden menganggap program itu sangat berjaya dalam menimbulkan kesedaran dan mengeratkan hubungan yang positif antara ahli komuniti dengan pegawai agama dan sukarelawan. Beliau sendiri merasakan program tiga hari itu terlalu singkat dan seolah-olah tidak mahu pulang dari program itu untuk kembali ke dunia lama. Dalam kalangan ahli komuniti, terdapat individu bersengketa yang berbaik semula. Ramai dari ahli menangis dan mereka berpeluk-peluk sesama sendiri dan juga dengan para ustaz, dan mengekspresikan perasaan tidak mahu balik. Responden meneruskan persahabatan dengan ustaz ustaz tersebut dan mereka meneruskan usaha mengajak beliau ke masjid dan seterusnya. Program muqayyam tahunan diteruskan dengan diambil alih oleh sukarelawan dan melalui pertubuhan Persatuan Insaf Pahang yang disokong oleh sekumpulan sukarelawan yang menjadi ahli bersekutu persatuan tersebut.

Langkah pertama dalam penghijrahan adalah dengan mulanya mendirikan solat. Walau pun belum solat sepenuh waktu dan belum mengqadhakan solat lepas yang terluput, permulaan kembali mendirikan solat adalah titik pertama komitmen dalam berhijrah.

Pada masa tersebut, dia masih terlibat dalam dunia lorong walau pun tidak lagi secara penglibatan fizikal. Dalam menjalani kehidupan lorong di

tahap pengurusan sahaja, beliau bersolat dan berdoa memohon kekuatan. Tiba di titik kekuatan, beliau telah nekad memilih tarikh maulid Nabi untuk berpindah keluar dari lorong.

Langkah berpindah ini didorong oleh peluang yang datang. Sememangnya sebagai seorang individu yang meningkat tua, beliau risaukan masa tua yang terus menerus menyewa di lorong. Peluang tersebut datang apabila anak saudara beliau membantu beliau mendapatkan pembelian seunit rumah di taman perumahan termasuk membantu mendapatkan pembiayaan bank. Dalam masa yang sama, adik beliau berpindah dari Kuala Lumpur ke Kuantan dan mengajak beliau tinggal bersama. Maka beliau dapat mengutip sewa rumah belian dan tinggal bersama adik dengan percuma. Beliau berasakan sungguh hebat bantuan dari Allah SWT menyebabkan beliau mempunyai kekuatan untuk berpindah keluar dari lorong. Kata beliau; “Begitu mudah Allah SWT memudahkan kehidupan saya”.

Walau bagaimana pun, dengan kefahaman agama yang masih terhad, beliau masih menerima dan menggunakan pendapatan dari kutipan sewa bilik di lorong walau pun tidak lagi terlibat dengan pengurusan kegiatan lain.

Langkah yang lebih ketara dalam penghijrahan adalah pembedahan membuang beg payudara. Dia telah menggunakan wang simpanan arwah emak untuk melakukan pembedahan pemulihan membuang payudara. Semasa bekerja di luar negara, dia telah menghantarkan wang kepada emak. Wang ini tidak dibelanjakan oleh emak, tetapi sebaliknya disimpan sahaja dalam satu akaun bank. Sebelum emaknya meninggal dunia, beliau telah berpesan kepada responden untuk menggunakan wang tersebut untuk membiaya kos pembedahan pemulihan. Maka, sempena terbocornya air dari beg payudara, dia telah menggunakan wang tersebut untuk pembedahan pemulihan.

Responden menyatakan bahawa kesedaran agama datang berperingkat. Pada masa beliau membuang payudara, beliau masih secara praktikal menjualkan semula bola silikon tersebut untuk digunakan oleh rakan muslim yang lain pulak. Kata beliau;” Seribu lima ratus harga jualan silikon *second hand*- dapat semula duit modal”. Pada masa temubual, beliau telah mentertawakan dirinya yang lampau. Pada masa kini beliau telah memahami bahawa tindakan tersebut tidak selaras dengan syariat agama, tetapi pada masa tersebut, kesedaran beliau mengenai taat kepada syariat hanyalah terhadap diri sendiri sahaja.

Responden meletakkan titik penuh hijrah pada umur 51 tahun. Pada masa ini beliau telah berjaya menunaikan tuntutan solat lima waktu sepenuhnya, dan

beliau telah berjaya meninggalkan mengambil pendapatan dari kutipan sewa bilik-bilik di lorong. Beliau juga telah berjaya tetap bersolat jemaah. Pada masa ini beliau berpeluang menunaikan haji dengan wang biayaan orang ramai.

Semasa beliau mula untuk solat berjemaah di masjid, cabaran utamanya adalah menangani reaksi negatif dari jemaah masjid. Kebanyakan dari mereka enggan bersalam atau bersentuh bahu dengan beliau. Namun, beliau tidak mengambil hati pada perkara tersebut dan meneruskan solat jemaah tanpa menghiraukan sebilangan jemaah yang tidak mesra. Pada masa ini responden sudah diterima sepenuhnya dalam komuniti berdekatan, malah beliau kerap juga menjadi imam di surau berdekatan.

Mengikut beliau, dahulunya beliau sangat takut bila tengok kematian dan mayat. Ini disebabkan fobia dan merasakan tidak bersedia hendak mati dan kembali bertemu Allah. Apabila beliau sudah menjaga solat, beliau akan pergi menjadi sukarelawan membantu apabila ada kematian kematian dan cuba membantu dalam pengurusan pemandian mayat dan sebagainya sebagai pengajaran untuk diri sendiri. Antara kata-kata yang selalu diulang dalam proses mengatasi fobia ini adalah memberi tahu kepada diri bahawa beliau akan mati seperti dia (si mati) juga. Pada masa ini, beliau menyatakan sudah lebih bersedia menghadapi kematian andai Allah mahu menjemput beliau kembali.

### **Usaha Dakwah**

Kegiatan seharian responden sekarang ini adalah menjadi pengantara (lison) antara JAIP dan golongan komuniti mak nyah. Beliau juga menjadi penghuni tetap dan hos bagi rumah Persatuan Insaf Pahang dan menjadi pembuka jalan (*gatekeeper*) kepada golongan mak nyah bagi pendakwah, dan sukarelawan luar. Ini adalah sumbangan yang besar bagi sukarelawan dan pengkaji untuk mendalami dan mengkaji cara-cara untuk mendekati golongan ini di masa hadapan.

Selain itu, responden menjalankan bisnes warung untuk saradiri dan untuk membantu rakan mak nyah yang lain yang mahu berhijrah. Ini adalah bimbingan langkah pertama untuk mana-mana mak nyah yang mahu keluar diri dari kehidupan lorong. Mereka yang mahu keluar dari lorong ini boleh mendapat jaminan makan dan tempat tinggal di rumah Persatuan Insaf Pahang (PIP), iaitu sebuah rumah yang diwakafkan penggunaannya. Bisnes warung ini membolehkan sahabat yang bekerja di sana mendapat sedikit duit poket yang boleh dihimpun untuk digunakan untuk memulakan bisnes sendiri selepas itu.

Beliau juga menjadi presiden Persatuan Insaf Pahang. Antara program yang beliau jalankan adalah mengatur program-program keagamaan untuk mak nyah di rumah PIP. Dalam menjayakan kelas agama ini, Tuan Haji Bakri secara sukarela mengambil dan menghantar sahabat dari lorong yang menyatakan minat untuk belajar agama. Beliau sendiri juga berdakwah secara terus dan mengajak sahabat yang bersedia untuk berhijrah keluar dari lorong.

Dalam masyarakat umum, beliau juga menjadi jurucakap kepada mak nyah, beliau selalu dijemput berceramah dan ditemubual di radio dan di televisyen sebagai kempen kesedaran dakwah kepada mak nyah. Beliau berkempen dakwah kepada mak nyah untuk kembali ke pangkal jalan dan pada masa yang sama beliau berkempen kepada orang awam supaya lebih bertoleransi dan memahami golongan mak nyah serta berasa simpati kepada mereka untuk membuka jalan golongan ini mudah untuk kembali kepada masyarakat dan syariat.

Penulis dan rakan-rakan dapat bersama ke lorong-lorong dan menyaksikan bagaimana beliau mendekati rakan-rakan mak nyah di sana. Penulis juga dapat melihat bagaimana responden berinteraksi dengan mereka. Cara berinteraksi menggunakan bahasa kasar dan perkataan makian menunjukkan persona yang berbeza dengan persona beliau semasa temubual dan masa-masa lain bersama kami. Walaupun terkejut dengan bahasa kasar, penulis dapat menyaksikan kemesraan dan kasih sayang sesama mereka. Sahabat yang di lorong dilihat amat menghormati beliau dan masih berhubung mesra walaupun beliau sudah berubah kehidupan. Mereka masih menggelarkan Tuan Haji Bakri sebagai Kak Jun dan beliau juga membahaskan dirinya dengan nama yang sama sebagai menandakan bahawa beliau masih salah seorang dari mereka. Ini membuatkan mereka merasakan masih dekat dengan Tuan Haji Bakri.

### **Strategi Berdakwah**

Responden meletakkan tugas dakwah sebagai kewajipan beliau sebagai tanda bersyukur kepada Allah SWT yang telah menyelamatkan beliau dari kehidupan maksiat dan memberi peluang beliau mengumpul bekalan akhirat.

Beliau memilih strategi mengekalkan hubungan mesra dan pengaruh kepada mak nyah yang muda. Menurut beliau; "Dahulu saya digeruni, sekarang ini biarlah saya dipercayai. Melalui sokongan pasukan sukarelawan dan penderma yang kuat, beliau telah berpindah tinggal di rumah PIP sepenuh masa dan mengatur program keagamaan sambil memantau dan mengajak sahabat yang difikirkan bersedia untuk berhijrah. Beliau memastikan sahabat yang tinggal di

rumah PIP patuh kepada syarat yang dikenakan iaitu: tidak kembali ke lorong, bersama bekerja menjalankan bisnes warung. Walaupun solat berjemaah ditekankan, beliau memegang pendirian tidak mengenakan tindakan bagi penghuni yang masih belum bersedia untuk solat.

Bagi sahabat yang sudah bersolat dan bersedia untuk bersolat jemaah, beliau melalui ustaz JAIP telah mengenalpasti masjid-masjid yang ‘mesra mak nyah’; iaitu beberapa masjid yang jemaahnya sudah memahami dan menerima wujudnya golong mak nyah yang sedang dalam proses kembali kepada syariat Allah SWT, dan masih belum mampu berhijrah sepenuhnya. Mereka ini mudah di kenal pasti dengan berpakaian lelaki semasa solat, tetapi kesan pembedahan plastik di muka dan di payudara masih jelas kelihatan.

Penulis sempat menyaksikan bagaimana responden menguruskan untuk mengajak seorang sahabat berpindah menjadi pelatih di rumah PIP. Sahabat tersebut menggunakan nama samaran Anny, telah dikenalpasti sesuai untuk diambil bawah perlindungan kerana Anny telah banyak menggunakan dadah jenis *Ice* mempunyai fikiran yang agak terganggu. Oleh kerana Anny berkulit hitam dan mempunyai rupa paras yang kurang cantik, beliau telah hilang potensi mendapatkan pelanggan walaupun masih di umur yang muda. Pada malam rondaan tersebut, rakan yang lain yang mencadangkan agar Anny diserahkan kepada Tuan Haji Bakri dan menggalakkan dia berpindah ke rumah PIP memandangkan dia sudah tidak mampu membayar sewa bilik dan tidur bergelandangan.

Semasa diajak oleh responden dengan mudah saja Anny menerima ajakan tersebut. Dia menghilang di celah pokok dan kembali dengan bungkusuan pakaian. Bungkusuan pakaian itu ditolak responden; Banyak pakaian di rumah PIP; “apa aku makan- kau makan, jangan risau”.

Keesokannya, penulis tidak mengenali Anny kerana dia sudah berpakaian lelaki siap berkopiah, bertugas mengelap meja warung dengan senyuman gembira. Faktor tarikan adalah- tertutupnya peluang perniagaan seks, dan keperluan mendapat tempat perlindungan. Anny pelatih yang baik, rajin bekerja dan patuh untuk bersolat dan berkopiah. Malangnya berita dari responden, beberapa bulan kemudian, Anny telah melarikan diri setelah mendapat tawaran tempat tinggal dari kekasih baru. Menurut Tuan Haji Bakri, tarikan ketagihan dadah terlalu kuat menyebabkan lebih rumit untuk mak nyah yang ketagihan untuk kembali ke jalan syariat.

### **Risiko Tergelincir (*Recidivism*)**

Apabila ditanyakan mengenai risiko tergelincir semula kepada penghidupan lama, responden menyatakan status dan pendirian beliau.

Menurut beliau, beliau masih merasakan dirinya mempunyai banyak ciri-ciri kewanitaan. Ini dapat disaksikan dengan postur responden yang lebih selesa duduk bersimpuh (sedangkan penulis seorang wanita juga lebih selesa duduk bersila), dan gerak tangan yang lembut dan senyuman menawan semasa bercerita. Namun, beliau memahami bahawa berwatak keras dan kelelakian bukanlah tuntutan agama, tetapi keperluan adalah hanya di tahap berpakaian menurut gender. Maka responden selesa memegang identiti sebagai seorang ‘nyah’; iaitu menurut beliau, seorang wanita di dalam tubuh lelaki. Cuma beliau adalah ‘nyah’ yang akur kepada perintah Allah SWT dan menginginkan keredhaan Allah SWT, maka beliau akan patuhi perintah dan larangan dan beramal sebagai bekalan akhirat. Beliau menyatakan di dalam hati, masih tertarik kepada lelaki. Namun, semasa beliau solat, beliau sentiasa memikirkan pasti beliau tidak akan menggadai segala solat yang dilakukan hanya untuk kehendak nafsu yang dilarang.

Beliau merasakan dibenteng oleh perasaan malu kepada Allah yang telah banyak memberikan peluang dan kebaikan kepada beliau. Beliau juga merasakan dibenteng dengan amanah yang dibawa. Andai beliau tergelincir dan diketahui oleh sahabat-sahabat yang lain, akan hilanglah rasa hormat mereka dan peluang bagi beliau untuk berdakwah.

### **Pesanan Kepada Pendakwah**

Antara pesanan beliau kepada pendakwah adalah untuk tidak terlalu harap untuk melihat kesan dakwah dalam masa yang singkat. Jalan kembali adalah terlalu sukar dan tidak ramai yang mempunyai kekuatan untuk berubah sepenuhnya. “Tidak semua pondan akan menjadi seperti saya”. Beliau menceritakan beberapa orang rakan beliau yang mempertahankan kehidupan di lorong sehingga ke usia yang sangat tua dan meninggal tanpa taubat yang diketahui.

Antara pesanan kedua adalah supaya pendakwah hanya mengharapkan ganjaran akhirat sahaja. Tidak ada ganjaran dunia dan hasil cepat yang boleh didapati dengan berdakwah kepada komuniti mak nyah, maka pendakwah harus kentalkan diri berusaha sementara menunggu ganjaran akhirat.

Keikhlasan hati juga perlu dijaga. Menurut beliau, golongan mak nyah sangat sensitif dan boleh membaca hati orang lain melalui tindak-tanduk mereka. Mereka akan mudah mengesan andai seseorang sukarelawan memandang rendah terhadap mereka atau memasang niat lain. Apabila rasa terhina atau dipergunakan, mereka tidak akan berminat lagi untuk meneruskan interaksi. Kata-kata ini ditekan juga berkali-kali oleh sahabat mak nyah lain yang ditembual.

## **Perbincangan, Implikasi dan Cadangan**

### **Pengajaran bagi Pendakwah dan Profesi Perbantuan**

Dari hasil temubual dan pemerhatian, rumusan faktor penghijrahan adalah seperti berikut:

1. Latar belakang didikan agama keluarga yang menjadi bekalan kesedaran untuk insaf yang di simpan, dan menjadi modal apabila melakukan penghijrahan
2. Faktor umur yang meningkat yang memberi sumbangan kepada kebosanan gaya hidup, menyaksikan kematian rakan mak nyah, penuaan yang mengecilnya peluang meneruskan gaya hidup -- iaitu tidak lagi diterima pelanggan
3. Faktor putusnya pelanggan dan jaminan pendapatan cara lain membantu individu berani membuat keputusan meninggalkan lorong
4. Pencetus yang memberi kesedaran agama dan ajakan untuk berhijrah
5. Sokongan pihak luar membuka jalan untuk punca pendapatan alternatif yang patuh syariat dan praktikal.
6. Sokongan dari pihak keluarga. Kesemua dari cerita hijrah yang ditemubual dan diceritakan oleh responden mempunyai ahli keluarga yang sudi menerima mereka kembali dengan menyediakan sokongan tempat tinggal dan sebagainya.

Antara yang boleh dilakukan oleh pendakwah, pegawai pemulihan atau sukarelawan adalah:

- 1) Fokus kepada pemulihan dan bukan mencari punca
- 2) Mulakan dengan perhubungan baik, kasih, penerimaan tanpa syarat
- 3) Fokus kepada aqidah sebelum fekah - timbulkan kepercayaan dan kesedaran akhirat, takut akhirat, serta berharap hanya kepada Allah
- 4) Sediakan alternatif pekerjaan dan gaya hidup yang boleh dilihat sendiri oleh mereka yang bakal berhijrah.
- 5) Menerima bahawa berhijrah adalah berperingkat dan memakan masa. Pendakwah harus bersabar dan toleran dengan tingkahlaku melanggar syariat yang masih belum diperbetulkan. Fokus kepada aqidah dan solat dahulu, kemudian langkah meninggalkan kehidupan lorong. Ini terdiri dari kehidupan solat lima waktu, mencari pendapatan secara halal, dan menghadiri kelas agama secara tetap. Soal pakaian dan pembuangan payudara akan datang sendiri dengan penambahan kefahaman agama. Tabiat merokok terpaksa ditoleran dahulu memandangkan merokok masih diamalkan oleh orang awam yang lain.



- 6) mak nyah yang juga menagih dadah memerlukan pendekatan khas kerana individu tersebut juga berselirat dengan masalah ketagihan

### **Kesimpulan**

Isu LGBT menjadi cabaran pada para pendakwah dan keluarga yang terlibat untuk menanganinya. Malah, mereka yang terlibat dengan kecelaruan identiti ini juga pada dasarnya telah terbukti melalui penderitaan dan pengalaman yang sekaligus menjadi pendorong yang kuat untuk mereka berubah jantina mereka. Isu ini semakin parah apabila masyarakat tidak mengambil kisah mengenai mereka dan terus melabel mereka sebagai makhluk aneh yang perlu dijauhi. Artikel ini telah memberi penjelasan mengenai setiap pengalaman dan faktor berlakunya perubahan identiti tersebut serta cadangan-cadangan yang boleh dilakukan oleh para pendakwah akan datang untuk membantu mereka kembali untuk mematuhi syariat.

### **RUJUKAN**

- American Psychological Association (2017). Transgender people, gender identity, and gender expression. Dimuat turun dari <http://www.apa.org/topics/lgbt/transgender.aspx> pada Januari 1 2017.
- Chatterjee Subhrajit (2014). Problems faced by LGBT people in the mainstream society: Some recommendations. *International Journal of Interdisciplinary and Multidisciplinary Studies (IJIMS)*, Vol 1, No.5, 317-331. Available online at <http://www.ijims.com>.
- Kerstin Neumann, Cornelia Welzel, Ute Gonnermann, & Uwe Wolfradt (2002).
- Towards a transpositive therapeutic model: Developing clinical sensitivity and cultural competence in the effective support of transsexual and transgendered Clients *The International Journal of Transgenderism*. 6, (4), Dimuat turun dari [http://web.archive.org/web/20070218041333/http://www.symposion.com/ijt/ijtvo06no02\\_03.htm](http://web.archive.org/web/20070218041333/http://www.symposion.com/ijt/ijtvo06no02_03.htm)
- Laurie Drabble & Michele J. Eliason (2012). Substance use disorders treatment for sexual minority women. *Journal of LGBT Issues in Counseling*, 6:274–292, DOI: 10.1080/15538605.2012.726150
- Mahfudzah Mohamad (2015). Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif
- Undang-undang Jenayah Syariah. *Jurnal Undang-undang Malaysia* 19: 29-36.

- Mutiah Binti Roslan (2006). *Kehidupan seorang mak nyah: Satu kajian kes di Kuching, Sarawak*. Tesis yang tidak diterbitkan. Universiti Malaysia Sarawak.
- Othman Lebar (2015). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*.
- Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim, Perak. Teh Yik Koon (2002). *The mak nyahs: Malaysian male to female transsexuals*. Eastern Universities Press. Singapore.
- Umar Mukhtar Mohd Noor (2015). Siri 5: Isu transgender, tasyabbuh atau penyerupaan: Hukumnya (Edisi terkini). Laman web rasmi Mufti Wilayah Persekutuan. Di muat turun dari <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan-s/al-kafili-al-fatawi/598-majikan-membenarkan-pekerja-bawahannya-culas> pada 1 Januari 2017.
- Samantha Allen (2014). *Whither the transvestite? Theorising male-to-female transvestism in feminist and queer theory*. SAGE Journal. 15 (1), page: 5 <https://doi.org/10.1177%2F1464700113515171>